



## SIARAN MEDIA

### SMIDEX 2021 SASAR RM50 JUTA POTENSI JUALAN, 10,000 PENGUNJUNG MAYA

---

**Kuala Lumpur, 7 Disember 2021** – SME Corp. Malaysia sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada hari ini telah melancarkan Pameran Tahunan PKS 2021 (SMIDEX 2021).

Dengan bertemakan “PMKS: Bangkit Kembali”, SMIDEX 2021 telah dirasmikan oleh YAB Dato’ Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Penganjuran SMIDEX 2021 kali ini adalah bagi membuka ruang dan peluang kepada PMKS tempatan mendapatkan akses kepada pembiayaan, peluang pasaran, meningkatkan aktiviti perdagangan serta menyerlahkan produk dan perkhidmatan tempatan ke peringkat antarabangsa.

YAB Perdana Menteri dalam ucapan perasmian beliau berkata “Kerajaan akur bahawa sektor PMKS merupakan salah satu kumpulan yang paling terkesan akibat pandemik COVID-19, dengan 95.3% mengalami penurunan jualan secara mendadak dalam tempoh awal pembendungan. Hampir dua tahun seluruh dunia menghadapi krisis kesihatan serta ekonomi akibat pandemik COVID-19”.

Tambah beliau lagi, “Memandangkan PMKS masih bergelut susulan kesan pandemik yang mengubah pola ekonomi dan pasaran tempatan, langkah-langkah strategik perlu diberi perhatian sebagai talian hayat untuk PMKS terus kekal beroperasi. Dalam hal ini, sejak Mac 2020, sejumlah RM196 bilion telah diperuntukkan untuk membantu PMKS dalam menangani kesan wabak COVID-19”.

Dalam memperkasa ekosistem ekonomi digital pasca pandemik COVID-19 pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam tempoh peralihan fasa pemulihan.

Walaupun usaha positif bagi memulihkan ekonomi dengan lebih agresif dan terbuka, PMKS dilihat masih bergelut untuk memastikan kelangsungan perniagaan. Tidak dinafikan pandemik COVID-19 telah mengubah landskap perniagaan di seluruh dunia dengan lebih ramai pengguna beralih kepada penggunaan teknologi moden serta pendigitalan perniagaan.

Maka bagi menyokong aspirasi ini, buat pertama kalinya SME Corp. Malaysia menganjurkan Pameran Tahunan PKS 2021 (SMIDEX 2021) bermula 1 Disember sehingga 23 Disember 2021 dalam bentuk norma yang baharu di mana ianya dilaksanakan secara dalam talian melalui portal MyAssist MSME.

Penganjuran SMIDEX 2021 mensasarkan 10,000 pengunjung maya dan RM50 juta potensi jualan menerusi pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan. Antara aktiviti yang dijalankan seperti e-pameran yang melibatkan 150 PMKS, MNC, GLC, Kementerian dan Agensi Kerajaan. Sesi padanan perniagaan dengan pasaraya besar, syarikat-syarikat terkemuka dari dalam dan luar negara, melalui modul MatchME yang melibatkan syarikat *anchor* seperti AEON, CELCOM, LAZADA, FAMA dan lain-lain.

SMIDEX 2021 juga menawarkan 300 slot sesi khidmat nasihat, perundingan perniagaan, maklumat bantuan kewangan, fasilitasi perdagangan, sokongan teknologi dan penjenamaan secara dalam talian menggunakan modul MeetME. Seramai lebih daripada 100 Kaunselor Perniagaan dari pelbagai Kementerian dan Agensi seperti Bank Negara Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad dan banyak lagi menawarkan khidmat nasihat secara percuma kepada PMKS.

Di samping itu, sesi 'Technology Need Pitching' (TNP) juga memberi peluang kepada PMKS meneroka penyelesaian teknologi terkini bagi meningkatkan kecekapan operasi perniagaan syarikat. Sesi perkongsian BizTalk turut diadakan dengan menampilkan penceramah berpengalaman dalam pelbagai bidang kepakaran berkaitan

pembiayaan, pengurusan kewangan, pemasaran perniagaan dan keusahawanan untuk berkongsi bersama PMKS.

YB Tan Sri Noh Haji Omar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam ucapan beliau berkata, “Penganjuran SMIDEX tahun ini merupakan salah satu inisiatif SME Corp. Malaysia melalui MEDAC untuk membantu PMKS mendapat peluang pasaran. Bertemakan ‘PMKS: Bangkit Kembali!’, ia sesuai benar dengan matlamat pemulihan ekonomi negara pasca pandemik COVID-19”.

Tambah beliau, “Setelah lebih dua dekad, SMIDEX telah mengukuhkan jenamanya sebagai antara platform pameran terbaik bertaraf tempatan dan antarabangsa bermatlamat untuk membantu PMKS Malaysia menonjolkan keupayaan dan ketersediaan produk, perkhidmatan, teknologi dan inovasi mereka dalam menembusi pasaran serantau dan global”.

Penganjuran SMIDEX kali ini juga adalah bersempena sambutan ulangtahun ke-25 SME Corp. Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Majlis pelancaran pada hari ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato’ Suriani Dato’ Ahmad, Ketua Setiausaha MEDAC; YBhg. Dato’ Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi SME Corp. Malaysia; Encik Rizal Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan Ketua-ketua Agensi MEDAC.

Untuk maklumat lanjut berkenaan aktiviti-aktiviti yang akan berlangsung sepanjang SMIDEX 2021, ikuti kami di media sosial SME Corp. Malaysia (Facebook dan Instagram) atau lawati laman sesawang [www.smidex.my](http://www.smidex.my).

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Encik Muhammad bin Ibrahim di talian 019-664 6407 atau emel – [muhamad@smecorp.gov.my](mailto:muhamad@smecorp.gov.my) atau Encik Mohamad Firdhouse bin Mohamad Tajuddin di talian 019-315 6908 atau emel: [firdhouse@smecorp.gov.my](mailto:firdhouse@smecorp.gov.my)

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

## **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA**

### **(SME CORP. MALAYSIA)**

**Tingkat 6, Blok B, Platinum Sentral**

**Jalan Stesen Sentral 2**

**Kuala Lumpur Sentral**

**50470 Kuala Lumpur**

**Tel : 1300-30-6000**

**Faks : 603-2775 6001**

**E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)**

**Laman web : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)**